

Agenda utama lawatan kerja PM ke Kemboja-Thailand

Kerjasama pasca pandemik

Oleh MAISARAH
SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kerjasama serantau dalam perdagangan dan pandemik Covid-19 antara agenda utama Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (**gambar**) yang dalam rangka lawatan kerja ke ke Kemboja dan Thailand bermula semalam hingga 26 Februari ini.

Lawatan empat hari itu untuk memenuhi jemputan Perdana Menteri Kemboja, Samdech Techo Hun Sen dan Perdana Menteri Thailand, Prayut Chan-o-cha.

Menurut kenyataan Wisma Putra, semasa lawatan rasmi ke Kemboja, Perdana Menteri dijadual mengadap Raja Kemboja, Raja Norodom Sihamoni di samping pertemuan dengan Hun Sen untuk membincangkan pengukuhan hubungan dua hala.

“Ini termasuk kerjasama pasca pandemik Covid-19, kerjasama ASEAN serta isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama.

“Perdana Menteri juga

mengadakan pertemuan dengan Presiden Senat dan Presiden Dewan Rakyat Kemboja selain turut bertemu dengan



Keluarga Malaysia di Kemboja,” katanya.

Semasa lawatan rasmi ke Thailand pula, Ismail Sabri mengadakan pertemuan dengan Prayut Chan-o-cha yang memberi peluang kepada kedua-dua pemimpin membincangkan hala tuju kerjasama pelbagai bidang antara dua negara.

Katanya, bidang-bidang utama meliputi kerjasama ekonomi, pasca pandemik Covid-19, pembukaan sempadan antara kedua-dua negara, dan projek-projek kesalinghubungan di kawasan sempadan darat.

“Perdana Menteri turut menghadiri sesi dengan Dewan Perniagaan Malaysia - Thailand (MTCC) dan sesi ramah mesra bersama Keluarga Malaysia di Bangkok,” katanya.

Jelas Wisma Putra, lawatan Perdana Menteri ke Kemboja dan Thailand mencerminkan hubungan rapat dan menyeluruh Malaysia dengan kedua-dua negara jiran and rakan ASEAN tersebut.

Katanya, ia dapat membuka peluang kepada Malaysia dan kedua-dua negara berkenaan untuk meneroka inisiatif bersama dalam usaha pemulihan pasca-pandemik serta dalam menangani cabaran

Lawatan Perdana Menteri ke Kemboja dan Thailand mencerminkan hubungan rapat dan menyeluruh Malaysia dengan kedua-dua negara jiran and rakan ASEAN tersebut.”

KENYATAAN WISMA PUTRA

serantau dan antarabangsa.

Perdana Menteri diiringi Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Saifuddin Abdullah; Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias; Pengerusi RISDA, Datuk Seri Mohd. Salim Mohd. Sharif serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Lawatan ini berlangsung mengikut pematuhan prosedur operasi standard (SOP) bagi pencegahan Covid-19 yang berkuat kuasa di Malaysia, Kemboja dan Thailand.